

**UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
INSTITUT OSEANOGRAFI DAN SEKITARAN**

BORANG PELEPASAN

PERATURAN UMUM KESELAMATAN MAKMAL INOS

- a. Dilarang membawa masuk barang tidak berkaitan ke dalam makmal. Simpan di tempat khas yang telah disediakan.
- b. Penggunaan peralatan makmal yang (berkaitan) perlu direkod di dalam fail penggunaan. Dilarang masuk ke dalam makmal tanpa sebarang urusan.
- c. Pengguna diwajibkan memakai kot makmal (*lab coat*) dan kasut bertutup penuh semasa berada di dalam makmal. Gunakan cermin mata keselamatan apabila mengendalikan eksperimen berkaitan.
- d. Dilarang bekerja bersendirian di dalam makmal tanpa pengawasan.
- e. Memastikan pencahayaan dalam makmal adalah berfungsi bagi mengelakkan sebarang kemalangan berlaku.
- f. Semua botol reagen mesti dilabel dengan jelas. Label lama dan kabur mestilah diganti dengan segera.
- g. Pengguna hendaklah membasuh tangan selepas menjalankan eksperimen.
- h. Pemakaian kad matrik adalah diwajibkan.
- i. Semua pelajar hendaklah berpakaian mengikut etika yang telah ditetapkan oleh pihak universiti.
- j. Rambut yang panjang khususnya wanita haruslah diikat, tidak dibenarkan terurai.
- k. Dilarang membawa makanan dan minuman serta merokok di dalam makmal.
- l. Semua arahan keselamatan khas di dalam makmal mestilah dipatuhi.
- m. Bilik makmal tidak boleh digunakan sebagai bilik rekreasi walaupun semasa rehat.
- n. Jangan meninggikan suara di dalam makmal atau koridor.
- o. Semua sisa kajian mestilah dibuang ke tempat yang dikhaskan. Dilarang membuang sisa ke dalam sinki.
- p. Individu yang tidak berkenaan tidak dibenarkan masuk ke makmal tanpa urusan pada waktu pejabat.
- q. Anda mestilah membiasakan diri dengan kedudukan peralatan-peralatan kecemasan, seperti pemadam api, penyiram kecemasan (emergency shower & eye wash) dan lain-lain.
- r. Tangan mestilah dibersihkan sebelum meninggalkan makmal.
- s. Air pili yang terdapat di dalam makmal tidak dibenarkan minum.
- t. Sebarang kemalangan mestilah dilaporkan dengan segera secara lisan dan bertulis kepada pegawai bertanggungjawab/pengawal keselamatan.

- u. Setiap sampel yang ditempatkan di dalam makmal hendaklah dilabel (tarikh, nama pemilik, jenis sampel). Sampel-sampel yang tidak dilabel melebihi 2 minggu akan dibuang.
- v. Penyimpanan sampel di dalam makmal adalah berdasarkan nasihat dan kebenaran pegawai makmal.
- w. Sebelum meninggalkan makmal, pastikan bahawa :-
 - i. Semua saluran bekalan seperti air, elektrik, gas, vakum, stim dan gas termampat ditutup.
 - ii. Semua penutup kebuk wasap ditutup ke paras yang paling rendah.
 - iii. Kerusi makmal hendaklah diaturkan dengan kemas, meja makmal hendaklah berkeadaan bersih.
 - iv. Semua radas yang digunakan hendaklah dibersihkan.
 - v. Semua buku log yang berkaitan perlu direkodkan.
- x. Arahan dari semasa ke semasa hendaklah dipatuhi.
- y. Mematuhi semua peraturan makmal INOS yang diguna pakai di INOS.

Saya telah membaca dan memahami peraturan di atas dan bersetuju mematuhi. Sekiranya saya tidak mematuhi peraturan tersebut, saya memahami Universiti Malaysia Terengganu tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemalangan yang berlaku ke atas diri saya.

Tandatangan : _____ Tarikh : _____

Nama : _____

Kad Pengenalan : _____ No. Matrik : _____